

## Entry Requirement

Wednesday, 09 January 2008

Last Updated Thursday, 10 January 2008

Kemasukan ke The Malay College Kuala Kangsar terbahagi kepada kemasukan ke Tingkatan 1 dan kemasukan ke Tingkatan 4

Kemasukan ke Tingkatan 1 Syarat utama untuk memasuki tingkatan 1 pada setiap tahun pengajian memerlukan:

- 1) Kelayakan akademik tidak kurang dari 5 A dalam peperiksaan UPSR.
- 2) Mempunyai rekod prestasi yang cemerlang dalam bidang kokurikulum.
- 3) Mempunyai daya kepimpinan yang cemerlang ketika menuntut di sekolah rendah.
- 4) Pelajar yang mempunyai markah tertinggi dalam peperiksaan UPSR yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dan tersenarai antara 120 orang pelajar lelaki terbaik seluruh negara akan terpilih secara automatik untuk memasuki tingkatan 1 di The Malay College Kuala Kangsar.

Kemasukan ke Tingkatan 4 Syarat dan kelayakan utama untuk memasuki tingkatan 4 pada setiap tahun pengajian:

- 1) Kelayakan minimum 8 A dalam peperiksaan PMR atau setaraf dengannya.
- 2) Mempunyai rekod yang cemerlang dalam bidang kokurikulum.
- 3) Mempunyai daya kepimpinan yang cemerlang diperingkat menengah rendah.
- 4) Pelajar cemerlang dalam PMR dengan markah tertinggi yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia serta tersenarai antara 60 orang pelajar lelaki terbaik seluruh negara akan ditawarkan ke tingkatan 4 di The Malay College Kuala Kangsar. Kemasukan bukan secara automatik tetapi adalah berdasarkan permohonan selepas mendapat keputusan PMR pada setiap tahun.

Semua urusan pengambilan bagi semua pelajar akan dilakukan oleh pihak Sektor Sekolah Berasrama Penuh ( Sektor SBP) Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelajar atau ibu bapa hanya perlu mengisi borang bagi kemasukan ke sekolah berasrama penuh dan memilih jurusan sains semasa berada di sekolah rendah atau selepas mendapat keputusan PMR.

Pengambilan akan dibuat secara berperingkat peringkat dari bulan Januari hingga bulan Julai bagi setiap tahun.